

18/08/1999

Lawatan PM buka jalan kerjasama dengan China

Mustapa Omar

LAWATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Republik Rakyat China selama tiga hari mulai hari ini dianggap penting bagi memperkukuh hubungan Malaysia-China, terutama dalam bidang ekonomi ketika negara dalam proses pemulihan selepas mengalami kegawatan sejak pertengahan 1997. Selain itu, ia juga diharap dapat mengeratkan lagi hubungan tradisional antara rakyat kedua-dua negara bagi meningkatkan lagi persefahaman dan persahabatan.

Berdasarkan sejarah, gugusan kepulauan Melayu sudah mempunyai hubungan politik dan budaya dengan China sejak kurun ke-15, apabila pedagang dan pelaut China yang berkahwin dengan wanita tempatan menerima adat resam dan bahasa Melayu sehingga munculnya budaya yang dikenali Baba dan Nyonya. Mereka bergaul baik dengan orang Melayu tempatan dan hidup aman damai.

Bagaimanapun, apabila British datang dan memperkenalkan sistem pentadbiran penjajahnya, hubungan orang Melayu dengan Baba dan Nyonya yang juga dikenali sebagai Straits Chinese semakin berkurangan. Sehingga pada satu tahap, mereka menganggap diri mereka sebagai warganegara British dan bukannya Cina Malaya.

Mereka menubuhkan Straits Chinese British Association dan mengisytiharkan diri mereka sebagai Kings Chinese. Menyedari orang Cina amat berguna untuk kegiatan perdagangan maka British menggalakkan kemasukan beramai-ramai orang Cina dari China ke Malaya. Pada masa sama, British begitu aktif memisahkan kaum ini.

Berikutan itu, apabila negara mencapai kemerdekaan pada 1957, orang Cina dan Melayu agak terpisah. Mereka mempunyai syak wasangka antara satu sama lain. Tetapi Malaysia bernasib baik kerana kewarasan wujud di kalangan orang Melayu dan Cina di negara ini. Kecuali rusuhan pada 13 Mei 1969, rakyat pelbagai kaum di Malaysia terus bersatu dan hidup dalam aman damai. Konfrontasi kaum diganti dengan perdebatan dan perundingan yang waras. Apa yang jelas, rakyat lebih suka bekerjasama daripada mengadakan konfrontasi. Masing-masing sanggup melupakan asal-usul mereka demi kepentingan negara.

Hari ini, hubungan Malaysia-China berasaskan penyambungan semula hubungan diplomatik yang tersimpul melalui lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada Mei 1974 dan diperkukuhkan lagi melalui lawatan Perdana Menteri, Dr Mahathir, sebelum ini iaitu pada 1985, 1993, 1994 dan 1996. Sejak itu, hubungan diplomatik kedua-dua negara sekali gus membuka jalan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, sosial, kebudayaan, pelancongan dan pendidikan.

Malaysia dan China adalah dua negara membangun yang memiliki pengalaman sejarah serupa dan sedang melaksanakan tugas berat untuk memajukan ekonomi masing-masing. Kini benih persahabatan yang disemai 25 tahun lalu sudah membuahkan hasil dan diharap akan menjadi lebih subur pada tahun-tahun akan datang.

Malaysia yakin China mempunyai tugas utama dalam meningkatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini dan menghargai sokongan republik itu terhadap cadangan Asean supaya negara Asia Timur sentiasa bertukar pandangan dalam soal keamanan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi serantau.

Keyakinan Malaysia itu berasaskan kepada sokongan China terhadap idea penubuhan kerjasama di kalangan negara Asia Timur iaitu Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), idea yang dicetuskan oleh Dr Mahathir pada awal 1990an. Ketika itu, China menjadi antara negara luar Asean pertama

menyokong cadangan berkenaan, malah ia memberi jaminan akan membantu Malaysia untuk meyakinkan beberapa negara lain supaya menerima EAEC.

EAEC mendapat tentangan Barat tetapi disokong Asean, seterusnya dijadikan matlamat gagasan itu dalam Perisytiharan Sidang Kemuncak Asean Keempat di Singapura pada 1992. Sejak itu, ketua negara Asean dan menteri luar negara yang dianggap bakal menyertai EAEC, iaitu 10 negara Asia Tenggara, China, Jepun dan Korea Selatan beberapa kali mengadakan perbincangan tidak rasmi sempena mesyuarat Asean.

Dalam hubungan politik pula, Malaysia tetap menganggap China sebagai negara sahabat yang boleh dijalin hubungan dan bukan sebagai musuh, terutama pada masa depan walaupun kedua-dua negara terbabit dalam pertikaian kedaulatan terhadap Kepulauan Spratly di Laut China Selatan. Spratly adalah satu rangkaian kepulauan yang dituntut sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Brunei, China, Malaysia, Filipina, Taiwan dan Vietnam.

Isu mengenai Spratly menjadi topik perbincangan hangat dalam setiap mesyuarat Asean. Pelbagai usaha dilakukan untuk menyelesaikannya tetapi menemui jalan buntu. Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) di Singapura baru-baru ini, Filipina mengemukakan satu draf Kod Tatacara Laku mengenai Laut China Selatan. Bagaimanapun, Malaysia bertegas tidak mahu pihak ketiga dibabitkan dalam perbincangan mengenai isu Spratly, malah mendapati draf kod tatalaku mengenai Laut China Selatan yang dikemukakan itu tidak menggambarkan semangat asal dipersetujui Asean.

Bagi Malaysia, isu Spratly sepatutnya hanya dibincangkan dalam bentuk hubungan dua hala atau pelbagai hala di kalangan enam negara yang menuntut kedaulatannya dan bukan di meja rundingan Asean, mahupun dengan rakan dialognya. Ini kerana hanya empat negara Asean iaitu Malaysia, Filipina, Vietnam dan Brunei terbabit dalam pertikaian berkenaan. Pendirian Malaysia itu senada dengan China yang juga pihak utama dalam perebutan di Kepulauan Spratly, apabila republik berkenaan sudah menegaskan enggan membincangkannya dalam mana-mana forum yang turut dianggotai pihak ketiga.

Pertubuhan serantau itu amat menyedari tuntutan ke atas Kepulauan Spratly mesti diselesaikan demi keamanan dan kestabilan di rantau ini, tetapi pada masa sama, setiap negara terbabit dalam pertikaian itu hendaklah terus mengamalkan sikap mengawal diri daripada melakukan sebarang kegiatan melampau di Laut China Selatan.

Pendirian Asean itu penting kerana perebutan hak ke atas Spratly sentiasa diselubungi ketegangan dengan beberapa insiden termasuk yang terbaru apabila dua bot nelayan China dilaporkan tenggelam berhampiran kepulauan itu akibat pelanggaran dengan kapal tentera laut Filipina. Beberapa peristiwa dan tuding menuding yang berlaku di antara negara yang terbabit dalam perebutan kedaulatan itu ternyata menyukarkan penyelesaian isu berkenaan, apatah lagi dua daripada negara terbabit, iaitu China dan Taiwan berada di luar Asean.

China, sungguhpun menjadi rakan dialog Asean dan sebagai pihak utama dalam pertikaian hak di Laut China Selatan itu, enggan membincangkannya dalam Forum Serantau Asean (ARF) kerana berpendapat isu Spratly sewajarnya dibincangkan hanya di kalangan negara yang terbabit menuntut kedaulatannya. Pendirian China terhadap cara penyelesaian isu perebutan itu adalah persoalan pokok yang perlu ditangani kerana kuasa besar terbabit belum mahu menerima beberapa dokumen penting Asean, termasuk Deklarasi Mengenai Laut China Selatan.

Oleh itu, pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden China, Jiang Zemin dan Perdana Menteri, Zhu Rongji, sempena lawatan rasmi ke republik itu kali ini diharap sekurang-kurangnya dapat mencari titik pertemuan bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Sebenarnya, Kepulauan Spratly yang dikatakan kaya dengan pelbagai galian terutama minyak adalah antara kawasan paling dalam di Laut China Selatan

yang memerlukan teknologi cukup tinggi bagi kegiatan ekonomi pada masa depan. Bagaimanapun, ia dilihat mempunyai kedudukan strategik sebagai laluan kapal dagang, kegiatan marin dan kaji selidik.

Ketika ini, sekurang-kurangnya China, Vietnam, Filipina serta Malaysia masing-masing sudah mempunyai penempatan di kawasan pertikaian malah ada yang berada di lebih 20 tempat di situ. Setiap negara mempertahankan tindakan masing-masing sambil ada yang lantang mempertikaikan kegiatan rakan mereka, lantas menimbulkan kesukaran menguruskan perbalahan itu secara sempurna.

Dalam bidang ekonomi, hubungan di antara Malaysia dan China bertambah kukuh selepas beberapa lawatan pemimpin negara ke republik itu. Ramai usahawan Malaysia melabur di negara itu, termasuk dalam bidang pembinaan, kejuruteraan, tenaga, minyak dan gas serta runcit. Malah, ketika negara mula mengalami kegawatan ekonomi, China menyatakan kesediaannya meneroka dan bekerjasama mencari jalan mengatasi masalah itu, termasuk bersedia mengadakan hubungan di semua peringkat dan mendengar kemahuan dan permintaan Malaysia.

Selain itu, China juga bersetuju tidak menilai semula mata wangnya, Yuan, sekali gus menyelamatkan ekonomi Malaysia dan negara Asia Timur lain daripada krisis kewangan yang meruncing. Langkah berkenaan memang dialukan kerana pemulihan ekonomi Asia Timur banyak bergantung kepada keputusan Beijing. Jika Yuan boleh ditukar dengan mudah, pedagang mata wang sudah pasti akan menyerangnya serta menjerumuskan China serta Asia Timur ke dalam kegawatan dan kemelesetan lebih teruk.

Apa yang diharapkan, lawatan Dr Mahathir kali ini akan dapat membuahkan hasil yang menggalakkan dalam pelbagai bidang, sama ada ekonomi, politik dan sosial. Selain itu, kita juga berharap kedua-dua negara dapat meningkatkan lagi persefahaman bagi menghadapi cabaran alaf baru tidak lama lagi.

(END)